



**PEJABAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

GARIS PANDUAN LATIHAN KAWAD KEBAKARAN

Pengenalan:

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) UKM telah memutuskan supaya setiap fakulti/institut/pusat/bahagian/kolej perlu mengadakan latihan kawad kebakaran sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun dan sekali dalam tempoh setahun di peringkat kolej. Tujuan utama adalah untuk memberi pendedahan kepada semua pekerja dan pelajar supaya peka tentang prosedur yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran. Langkah ini diharap akan dapat meningkatkan kesedaran warga UKM terhadap aspek keselamatan ketika bertugas dan berada dalam kampus UKM.

Objektif:

Objektif utama mengadakan latihan kawad kebakaran adalah seperti berikut:

1. Untuk memastikan sistem perlindungan dan pencegahan kebakaran yang terdapat di bangunan masing-masing berfungsi dengan baik.
2. Untuk mendedahkan dan membiasakan penghuni bangunan terhadap tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran.
3. Untuk mengetahui julat masa yang diambil bagi kakitangan dan penghuni keluar dari bangunan dengan selamat apabila berlaku sesuatu kebakaran atau kecemasan.
4. Untuk membiasakan Pegawai Insiden, pekerja dan pelajar menggunakan peralatan pencegahan dan pemadaman kebakaran seperti loceng penggera, hos paip air dan alat pemadam api dengan betul.
5. Untuk memantapkan kerjasama antara beberapa unit dalam universiti seperti Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP), Bahagian Keselamatan, Jabatan Pengurusan Pembangunan, Pusat Kesihatan dan pihak luar seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia jika berlaku sesuatu kebakaran.

Persediaan/Persiapan Untuk Kawad Kebakaran:

1. Melantik/membentuk Jawatankuasa Ad-Hoc Kawad Kebakaran melibatkan:
 - 1.1 Pentadbir (JKKP – fakulti/institut/pusat/bahagian/kolej)
 - 1.2 Pegawai Insiden
 - 1.3 Wakil Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
 - 1.4 Wakil Bahagian Keselamatan
 - 1.5 Wakil Jabatan Pengurusan Pembangunan
 - 1.6 Wakil Pusat Kesihatan
 - 1.7 Wakil Pelajar (jika melibatkan kolej)
 - 1.8 Wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
2. Jawatankuasa Ad-Hoc Kawad Kebakaran akan membincangkan perkara-perkara berikut:
 - 2.1 Menentukan tempat berkumpul ketika kecemasan.
 - 2.2 Merangka senario kebakaran (memulakan api, membunyikan penggera, demonstrasi kaedah menyelamatkan dan merawat mangsa cedera akibat kebakaran/pengsan dan cara menggunakan alat pemadam api).
 - 2.3 Memeriksa alat penggera kebakaran (alarm) dan menyediakan tanda arah keluar/tunjuk arah.
 - 2.4 Menyediakan poster **Prosedur Pengungsian Bangunan** kepada penghuni. (Rujuk Lampiran A)

3. Memaklumkan minggu latihan kawad kebakaran yang akan diadakan kepada penghuni.
4. Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan akan memberi taklimat mengenai peranan Pegawai Insiden sebelum latihan kawad kebakaran diadakan.
5. Mengadakan mesyuarat post-mortem kawad kebakaran, mengkaji kejayaan dan masalah yang berkaitan dengan latihan.
6. Membuat laporan latihan kawad kebakaran dan menghantar salinan kepada Sekretariat JKKP UKM (Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan).
7. Membubarkan Jawatankuasa Ad-Hoc Kawad Kebakaran.

**PEJABAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

PROSEDUR PENGUNGSIAN BANGUNAN
Evacuation Procedures

Sekiranya terdengar loceng penggera kecemasan berbunyi atau diarahkan untuk melakukan pengungsian bangunan, anda mestilah serta-merta meninggalkan tempat kerja atau di mana saja anda berada untuk keluar dari bangunan. Berikut adalah prosedur pengungsian bangunan:

Whenever you hear the evacuation alarm or are verbally told to begin evacuating the building, you must evacuate the building immediately. Here are the evacuation instructions:

- i) Hentikan kerja.
Stop any ongoing activities.
- ii) Berhentikan semua mesin.
Switch off all machine being used if necessary.
- iii) Tutup injap gas dan peralatan elektrik.
Switch off gas supplies and electrical appliances.
- iv) Tutup semua pintu.
Close all doors.
- v) Keluar melalui laluan yang selamat dan terdekat.
Exit the building by the nearest safe exit.
- vi) Jangan gunakan lif.
Do not use lift.
- vii) Jangan berlari.
Do not run.
- viii) Jangan tolak-menolak antara satu sama lain.
Do not push.
- ix) Jangan sengaja buat bising.
Do not make noise.
- x) Jangan cemas.
Do not panic.
- xi) Jangan masuk semula ke dalam bangunan.
Do not re-enter the building for any reason.
- xii) Bekerjasama dan ikut arahan Pegawai Insiden.
Follow the instructions of the Incident Officer.
- xiii) Berkumpul di tempat berkumpul yang telah ditetapkan.
Assemble at the predetermined assembly point.